

09/12/1998

Malaysia tidak boleh maaf Soros

Fadzli Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia tidak dapat memaafkan sikap biadab penyangak mata wang antarabangsa, George Soros, yang bertindak seolah-olah mahu menentukan kepemimpinan dan masa depan negara ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata, perbuatan Soros menghasut rakyat supaya menggulingkan kerajaan termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah sikap campur tangan penyangak itu dalam perkara dalaman negara.

"Kenyataan Soros itu betul-betul menghasut rakyat Malaysia supaya menggulingkan pemerintahan Dr Mahathir bahkan guling Perdana Menteri sendiri.

"Dia kata terlanjur cakap dan meminta maaf tetapi kita tidak terima kerana sikap dia yang memusuhi kita," katanya dalam ucapan menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 1999 peringkat kementeriannya di Dewan Rakyat, hari ini.

Minggu lalu, spekulator antarabangsa itu ketika berucap di Universiti Johns Hopkins di Amerika Syarikat, berkata Dr Mahathir perlu disingkirkan serta meminta bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dibebaskan.

Soros yang dikecam hebat oleh Dr Mahathir sebagai spekulator yang menghancurkan ekonomi negara Asia, juga menuduh Perdana Menteri mengutamakan kroni dan menyalahgunakan kuasa.

Bagaimanapun, ketika melancarkan bukunya di London, semalam, Soros berkata beliau kesal dengan kenyataannya itu kerana ia tidak mungkin membawa kesan yang diharapkan.

Abdullah berkata, rakyat Malaysia tidak dapat memahami apabila seseorang itu cuba berbuat sesuatu untuk mengganggu dan mencampuri hal dalaman sesebuah negara.

"Dia mengambil sikap seolah-olah berhak sama dengan rakyat Malaysia untuk menentukan siapa perlu jadi pemimpin negara ini, siapa perlu dinaikkan dan siapa perlu dijatuhkan," katanya.

Abdullah yang menyifatkan Soros sebagai seorang yang tamak, berkata penyangak itu marah kepada Dr Mahathir kerana langkah kawalan mata wang yang diperkenalkan oleh Malaysia, menyekat peluang untuk spekulator mata wang mengaut keuntungan.

Menurutnya, Soros dalam buku terbarunya mengakui masalah yang bakal dihadapinya mungkin disebabkan oleh pendekatan kawalan mata wang yang diperkenalkan oleh Malaysia.

"Dia paling bimbang jika pendekatan itu berjaya, maka negara lain akan turut mencontohnya. Bagi seorang peniaga mata wang, dia tentu sedih kerana kesempatan untuk mencari keuntungan dengan sikap tamak akan terhad," katanya.

Mengenai kemungkinan tindakan Soros itu ada hubungan dengan kenyataan Naib Presiden Amerika, Al Gore, Abdullah berkata, kerajaan tidak tahu kaitannya.

Bagaimanapun, katanya, pernah dilaporkan Soros adalah individu yang sangat dihormati di Amerika.

"Sebelum ini, pemimpin politik membuat kenyataan mengganggu hal dalam negeri negara kita, tetapi sekarang ahli perniagaan juga membuat kenyataan yang sama. Jadi saya serah kepada ahli Yang Berhormat untuk buat keputusan," katanya.

Mengenai hubungan Malaysia-Amerika berikutan kenyataan Gore ketika

berucap pada majlis Penasihat Perniagaan Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik, bulan lalu, Abdullah berkata, kerjasama kedua-dua negara tidak terjejas.

Menurutnya, hubungan kedua-dua negara berada dalam keadaan baik manakala kerjasama perdagangan, pertahanan dan pendidikan berjalan seperti biasa.

"Wisma Putra mengeluarkan kenyataan bantahan paling keras kepada Amerika berikutan kenyataan Gore itu kerana mereka tiada hak untuk campur tangan mengenai kedaulatan dan kemerdekaan sesebuah negara.

"Bagaimanapun, kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula hubungan dengan Amerika, katanya.

Mengenai kemungkinan Gore membuat kenyataan itu mempunyai motif politiknya di Amerika, termasuk merebut jawatan presiden, Abdullah berkata:

"Walau apapun agenda politiknya, dia tidak ada hak untuk campur tangan dalam sesebuah negara," katanya.

(END)